

22/06/2003

Pas bukan parti Islam: Mahathir

reports on "Perhimpunan Agung Umno 2003" by Manja Ismail; Ahmad Zaini
KUALA LUMPUR: Pas bukan parti Islam tetapi parti yang memperalatkan
Islam
sehingga sanggup menyalahafsirkan al-Quran demi kepentingan politik
mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno berkata, setiap parti politik ada kelemahan dan
kesalahannya tetapi apabila sesebuah parti politik itu menggunakan nama
Islam, tindak-tanduk pemimpinnya akan turut dikaitkan dengan Islam dan
keadaan itu tidak dapat diterima.

"Duri dalam daging bagi orang Melayu adalah parti Pas. Pas bukan parti
Islam tetapi parti yang memperalatkan Islam. Sebab itu Umno mesti
tentang
orang ini sekuat-kuatnya. Yakinlah kita berjuang untuk yang benar dan
mengikut ajaran Islam," katanya ketika menggulung perbahasan di
Perhimpunan Agung Umno ke-54 semalam.

Lebih separuh atau kira-kira 40 minit daripada ucapan selama 70 minit
itu, digunakan oleh Dr Mahathir untuk mengkritik kepemimpinan Pas serta
tindak-tanduk pemimpin parti terbabit yang dianggapnya sudah jauh lari
daripada perjuangan pemimpin awal mereka sebelum ini.

Beliau sedih kerana pengikut Pas terpesong dengan ajaran Islam parti
itu
sehingga menghina agama sendiri di samping menyamakan tuhan sebagai
samseng seperti diperkatakan oleh Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz
Nik Mat.

Katanya, Islam mahukan keadilan tetapi hukum hudud yang diperkenalkan
oleh Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Terengganu jelas bertentangan.

"Apakah undang-undang Islam itu akan menentukan ketidakadilan berlaku.
Hudud Pas Terengganu misalnya dipinda beberapa kali. Bolehkah pinda
hukum

Tuhan?...tak boleh, ini hukum Pas dan Haji Hadi yang jahil ajaran Islam.
Sebab itu Umno mesti tentang orang ini sekuat-kuatnya.

"Kita adalah pelindung dan pemelihara agama Islam di Malaysia ini
walaupun tidak ada nama Islam pada (ejaan) Umno. Pas menggunakan nama
Islam, memperalatkan Islam sehingga menghina Islam. Namun mereka masih
dianggap parti Islam dan dianggap parti Islam oleh orang Islam.

"Pemimpin Pas sekarang sudah lari jauh daripada pemimpin Pas
terdahulu.

Kejahilan mereka jelas sekali sehingga tuhan dikatakan mencarut,
samseng.

Pengikut Pas dengan buta tuli sokong Nik Aziz yang kata tuhan mencarut.
Memang ada tafsiran yang tak betul yang perlu kita kaji kerana agama
Islam

adalah agama sepanjang zaman," katanya.

Dr Mahathir berkata, Umno akan terus berusaha untuk memperkuat
kedudukan umat Islam di negara ini dan mengingatkan ahli Umno supaya
menumpukan kepada masalah yang dihadapi daripada parti lawan termasuk
Pas

yang harus ditentang sekuat-kuatnya.

Beliau bagaimanapun gembira kerana perbahasan pada perhimpunan kali

lebih matang dengan kebanyakan kritikan dilemparkan berbentuk membina bagi memperbetulkan segala kelemahan tetapi kritikan keterlaluan perlu dielak supaya tidak dijadikan senjata oleh parti lawan menghentam Umno.